

# Keluarga boleh saman PBT

Peguam jangka sukar menang, bencana alam jadi alasan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pihak mangsa dalam kejadian pokok tumbang yang menyebabkan seorang maut dan dua lagi cedera di Jalan Sultan Ismail di sini, kelmarin, boleh menyaman pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan, menurut pengamal undang-undang.

Peguambela dan peguamcara, Fahmi Abd Moin, ketika memaklumkan perkara itu bagaimanapun berkata agak sukar untuk menang dalam tuntutan berkeenaan kerana pihak PBT boleh mengemukakan alasan kejadian sebagai 'act of God' (ketentuan Tuhan) atau bencana alam seperti hujan dan sebagainya.

"Selain itu, untuk membuktikan pokok terbabit tidak diselenggara dengan baik oleh PBT juga agak susah kerana semalam (kelmarin) hujan lebat, jadi boleh juga disebabkan hujan lebat sehingga pokok tumbang.

"Kebiasaannya, PBT akan menyatakan pokok terbabit bukan patah begitu saja tetapi disebabkan hujan. Justeru, memang



KERJA pembersihan dan baik pulih giat dijalankan berikutan insiden pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, semalam. (Foto BERNAMA)



Keratan akhbar BH semalam.

tiada masalah jika pihak mangsa mahu mengambil tindakan (undang-undang) tetapi sama ada boleh menang, itu satu perkara yang sukar termasuk dari segi beban pembuktian," katanya kepada BH.

Fahmi memberi contoh tragedi bangunan Highland Towers runtuh pada 1993 yang mana keputusan menyebelahi PBT yang disaman, dengan mengambil kira

'act of God', selain pihak berkeenaan turut mendakwa kejadian tanah runtuh itu disebabkan air hujan berlebihan.

Bagaimanapun, jika pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail itu diinsuranskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), beliau berkata, pihak berkeenaan perlu membayar pampasan insurans kepada mangsa.

"Namun, kebiasaannya PBT jarang mengambil insurans bagi pokok kerana jumlahnya terlalu banyak, terutama di Kuala Lumpur," katanya.

Selain itu jika mangsa ada mengambil insurans tambahan, iaitu peril khas bencana alam untuk kenderaan, beliau berkata, maka mereka boleh membuat tuntutan terbabit.

## 18 laporan kenderaan rosak

Sementara itu, polis menerima 18 laporan kenderaan mengalami kerosakan akibat kejadian berkeenaan, setakat semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Superintendan Nazaron Abd Yusof, berkata dua mangsa pula dilaporkan cedera membabitkan seorang lelaki tempatan dan seorang wanita warga Sweden.

"Lelaki tempatan itu telah menerima rawatan bagi kecederaannya dan dibenarkan keluar wad kira-kira jam enam pagi tadi (semalam).

"Wanita warga Sweden terbabit pula masih berada di Hospital Kuala Lumpur (HKL), setakat ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.